

HUBUNGAN DI ANTARA PERSEPSI DENGAN SIKAP DAN MINAT PELAJAR TAHFIZ BESTARI DALAM PEMBELAJARAN BAHASA ARAB

**Nur Afifah Fadzil
Muhammad Dzarif Ahmad Zahidi
Ahmad Nurilakmal Norbit
Nuraznan Jaafar
Kolej Universiti Islam Melaka**

Abstrak

Pendidikan bahasa Arab di Malaysia merupakan suatu yang bersifat dinamis dan sentiasa berkembang. Dahulu, pendidikan bahasa Arab tidak bersifat formal dan hanya diajar di pondok, surau atau masjid. Pendidikan bahasa Arab semakin diperkenalkan dan berkembang dalam sistem pendidikan sekolah rendah, menengah dan juga institusi pengajian tinggi. Malah sekolah aliran tahfiz juga tidak terkecuali dalam menerima pendidikan bahasa Arab. Kajian ini melibatkan 81 orang pelajar Tahfiz Bestari, Kolej Universiti Islam Melaka. Ia merupakan sebuah program persediaan untuk para pelajar menduduki Sijil Pelajaran Malaysia termasuklah bahasa Arab disamping perlu menamatkan hafalan al-Quran. Program ini mengambil masa selama sepuluh bulan. Objektif kajian ini ialah mengenal pasti sebab pelajar memilih program Tahfiz Bestari dan pengalaman belajar bahasa Arab sebelum memasuki Tahfiz Bestari. Selain itu, ia juga bertujuan mengenal pasti hubungan antara persepsi dengan minat dan hubungan antara persepsi dengan sikap dalam pembelajaran bahasa Arab. Kajian ini merupakan kajian tinjauan yang menggunakan instrumen soal selidik lima mata. Dapatan data menunjukkan para pelajar tidak pernah didedahkan dengan kurikulum bahasa Arab Sijil Pelajaran Malaysia sebelum memasuki program Tahfiz Bestari. Terdapat hubungan yang signifikan positif antara persepsi dengan minat dalam pembelajaran bahasa Arab yang disokong dengan kolerasi koefisien ($r = 0.673$, $p < 0.01$). Begitu juga hubungan signifikan positif di antara persepsi dengan sikap dalam pembelajaran bahasa Arab yang disokong dengan kolerasi koefisien ($r = 0.664$, $p < 0.01$). Hubungan antara pemboleh ubah ini adalah positif dan menunjukkan semakin baik persepsi pelajar, semakin tinggi minat mereka dalam pembelajaran bahasa Arab. Begitu juga dengan faktor minat, semakin meningkat persepsi pelajar maka semakin positif sikap mereka dalam pembelajaran bahasa Arab. Justeru, persepsi merupakan satu elemen yang penting dalam membentuk minat dan sikap terhadap sesuatu pembelajaran.

Kata kunci: Tahfiz Bestari, minat, sikap, persepsi

Hubungan di Antara Persepsi dengan Sikap dan Minat Pelajar Tahfiz Bestari dalam Pembelajaran Bahasa Arab
Nur Afifah Fadzil, Muhammad Dzarif Ahmad Zahidi,
Ahmad Nurilakmal Norbit & Nuraznan Jaafar

RELATIONSHIP BETWEEN PERCEPTION, INTEREST AND ATTITUDE OF TAHFIZ BESTARI STUDENTS IN THE LEARNING OF ARABIC

Abstract

Arabic language education in Malaysia is dynamic and constantly evolving. In the past, Arabic language education was not formal and was only taught in *pondok*, *suraus* or mosques. Arabic language education is increasingly being introduced and developed in the primary, secondary and tertiary education systems. Even tahfiz schools are no exception in receiving Arabic language education. This study involved 81 students of Tahfiz Bestari, Malacca Islamic University College. It is a preparatory program for students to sit for the Sijil Pelajaran Malaysia where it includes Arabic as well as having to finish memorizing the Quran. The program takes ten months. The objective of this study is to identify the reason their choose Tahfiz Bestari program and Arabic language learning experience before entering Tahfiz Bestari. In addition, it also aims to identify the relationship between perception and interest and the relationship between perception and attitude in learning Arabic. This study is a survey study using a five-point questionnaire instrument. The findings show that students have never been exposed to the Arabic language curriculum of Sijil Pelajaran Malaysia before entering the Tahfiz Bestari program. There is a significant positive relationship between perception and interest in learning Arabic supported by coefficient correlation ($r = 0.673$, $p < 0.01$). Similarly, a significant positive relationship between perceptions and attitudes in learning Arabic is supported by coefficient correlation ($r = 0.664$, $p < 0.01$). The relationship between these variables is positive and shows that the better the students' perception, the higher their interest in learning Arabic. Similarly, with the interest factor, the higher the students' perception, the more positive their attitude is in learning Arabic. Thus, perception is an important element in forming interest and attitude towards learning.

Keywords: Tahfiz Bestari, interest, attitude, perception

PENGENALAN

Institusi tahfiz merupakan sebuah institusi pendidikan yang telah lama bertapak di Malaysia. Pengenalan kepada pengajian tahfiz ini telah bermula sejak zaman pra-kolonial dan mula diinstitusikan selepas Malaysia yang pada ketika itu dikenali dengan Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan (Solahuddin, 2016). Bermula dengan sistem pendidikan tidak formal, usaha secara berterusan oleh semua pihak giat dijalankan bagi memurnikan dan memperkasakan institusi pendidikan tahfiz supaya berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan aliran pendidikan lain di Malaysia. Penambahbaikan pengajian tahfiz secara formal, tersusun dan sistematik ini bermula selepas al-Marhum Y.T.M Tunku Abdul Rahman Putra menyarankan agar institusi ini diperkasakan. Saranan ini tercetus dari

penganjuran Ujian Tilawah al-Quran Kebangsaan pada tahun 1960M (Noor Hisham *et al.*, ; Murihah *et al.*, 2015).

Bagi memastikan kelangsungan institusi tahfiz ini pada masa hadapan, kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah merangka Dasar Pendidikan Tahfiz Negara yang menjadikan empat modul kurikulum sebagai landasan iaitu Tahfiz Turath, Tahfiz Sains, Tahfiz Dini dan Tahfiz Kemahiran. Perkara paling asas bagi merealisasikan hasrat ini adalah memastikan semua pelajar aliran tahfiz mempunyai kelayakan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Hal ini sedemikian kerana, sijil ini amat penting untuk melanjutkan pelajaran ke tahap yang lebih tinggi. SPM merupakan prasyarat yang telah ditetapkan oleh kerajaan Malaysia untuk menyambung pengajian di peringkat diploma atau ijazah sarjana muda.

Bagi menyahut hasrat kerajaan ini, Kerajaan Negeri Melaka melalui Pusat Islam As-Syafie KUIM telah mewujudkan program Tahfiz Bestari. Program ini dibina bagi membuka peluang kepada pelajar dari institusi tahfiz sama ada dari madrasah swasta, sekolah pondok atau institusi yang lain untuk mengikuti kursus intensif selama sepuluh bulan seterusnya menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Antara objektif utama program ini adalah seperti berikut:

1. Memberi peluang yang lebih jelas dan terjamin kepada pelajar untuk menyambung pengajian dan tamat dengan memperolehi pendidikan akademik atau kemahiran.
2. Menyediakan program pengajian pelbagai bidang yang berkualiti dan inovatif kepada pelajar.
3. Mewujudkan dan meningkatkan kebolehpasaran dan kebolehdapatan kerja pelajar melalui jaringan pengajian tinggi dan industri yang berdaya saing (<http://www.kuim.edu.my/pusatislam/index.php/ketua-pusat-islam-as-syafie-kuim/19-program-tahfiz-bestari-persediaan-spm>).

Tempoh pengajian untuk program ini ialah selama sepuluh bulan dan pelajar akan menduduki peperiksaan SPM seurus selepas itu di samping perlu menghabiskan hafalan al-Quran. Oleh itu, persediaan yang rapi perlu dilakukan oleh pengajar dan pelajar dalam menghadapi keseluruhan kurikulum subjek peperiksaan tersebut.

Bahasa Arab merupakan salah satu subjek yang akan diduduki oleh para pelajar Tahfiz Bestari. Oleh itu, semestinya pelajar mempunyai persepsi yang tersendiri terhadap pembelajaran bahasa Arab. Tempoh pengajian yang pendek berbanding dengan pelajar aliran lain membawa kepada beberapa natijah seperti pencapaian pelajar tahfiz yang sangat rendah dalam subjek bahasa Arab (Nuraznan Jaafar *et al.*, 2019). Justeru, kajian yang menyelami aspek sikap pelajar tahfiz terhadap subjek bahasa Arab perlu digiatkan lagi bagi merungkai permasalahan ini.

Setiap individu yang tidak pernah mempelajari dan tidak mempunyai asas bahasa Arab pasti mempunyai persepsi dan tanggapan tersendiri terhadap bahasa Arab begitu juga para pelajar Tahfiz Bestari. Oleh itu, hubungan persepsi dengan sikap dan minat dalam pembelajaran bahasa Arab perlu diketengahkan. Dapatan ini

Hubungan di Antara Persepsi dengan Sikap dan Minat Pelajar Tahfiz Bestari dalam Pembelajaran Bahasa Arab

*Nur Afifah Fadzil, Muhammad Dzarif Ahmad Zahidi,
Ahmad Nurilakmal Norbit & Nuraznan Jaafar*

mampu memberi gambaran awal persepsi pelajar tahfiz serta minat dan sikap mereka dalam pembelajaran bahasa Arab. Kajian-kajian yang dijalankan terhadap pelajar dan institusi tahfiz hanya tertumpu kepada hafalan, qiraat, kaedah pembelajaran pelajar tahfiz, pencapaian hafalan dan seumpamanya. Namun, kajian berkaitan pembelajaran bahasa Arab khususnya terhadap golongan tahfiz adalah kurang dijalankan (Ku Fatahiyah *et al.*, 2019).

SOROTAN LITERATUR

Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab tidak asing lagi di Malaysia dan ia semakin berkembang mengikut peredaran dan kehendak semasa. Proses ini berlaku pada semua lapisan masyarakat sama ada pelajar tadika, sekolah rendah, menengah, tahfiz, institusi pengajian tinggi malah kepada masyarakat awam. Pendekatan yang berbeza akan digunakan mengikut keperluan pembelajaran tersebut. Terdapat pelbagai objektif dan tumpuan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab antaranya komunikasi, tatabahasa, terjemahan dan pemahaman al-Quran. Pelbagai kajian dijalankan berkaitan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Setiap kajian yang dilakukan tidak lain tidak bukan bertujuan meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Antaranya kajian Nur Afifah *et al.*, (2018), Noorafini Kassim *et al.*, (2017), Aisyah Sjahrony *et al.*, (2017), Zamri *et al.*, (2014), Azman (2013), Kamarul Shukri *et al.*, (2010) dan sebagainya. Kesemua kajian membincangkan tentang sikap, motivasi, gaya pembelajaran dan kemahiran bahasa.

Persepi, Sikap dan Minat dalam Pembelajaran Bahasa Arab.

Persepsi, sikap dan minat dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab amat penting dititik beratkan bagi memastikan proses tersebut mencapai objektif dan keberkesanannya. Persepsi ialah gambaran atau bayangan tentang sesuatu perkara sama ada di dalam hati atau fikiran. Ia juga boleh didefinisikan sebagai tanggapan atau pandangan menerusi pancaindera (Kamus Dewan 2016). Sikap telah wujud bersama manusia sejak dilahirkan. Menurut Katz (1960), sikap adalah sesuatu yang mempengaruhi individu dalam memberi nilai terhadap simbol objek atau apa yang disukai dan tidak. Sikap adalah sesuatu yang terhasil daripada perasaan, kepercayaan atau pemikiran seseorang terhadap objek psikologi. Ia menjadi perhatian dalam bidang pengajaran dan pembelajaran bahasa semenjak abad ke-20. Sikap juga merupakan keadaan mental yang kompleks melibatkan keyakinan dan perasaan, serta kecenderungan untuk bertindak dengan cara tertentu.

Menurut Gardner (1983), sikap merupakan faktor utama yang menentukan kejayaan pembelajaran bahasa di dalam kelas. Oxford dan Nyikos (1989) menyatakan sikap dan kepercayaan memberikan kesan yang ketara kepada strategi pembelajaran bahasa yang digunakan oleh pelajar. Jika pelajar mempunyai sikap dan kepercayaan yang negatif, mereka akan menggunakan strategi yang kurang berkesan. Sebaliknya, jika pelajar mempunyai sikap yang positif, mereka akan menggunakan strategi pembelajaran yang berkesan. Pelajar yang lemah dan gagal

dalam pelajaran biasanya mempunyai sikap yang negatif terhadap pembelajaran bagi pelajaran tersebut. Ia berbeza dengan pelajar yang bersikap positif, mereka akan dapat menguasai bahasa dengan baik dan kemahiran bahasa mereka juga dapat ditingkatkan. Ia disokong oleh Zulkifley (2000) yang menyatakan bahawa dua faktor instrinsik yang memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan dan kegagalan pembelajaran bahasa kedua ialah sikap dan motivasi.

Minat merupakan satu faktor yang mampu menjadikan sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran itu berjaya atau tidak. Para pelajar yang mempunyai minat yang tinggi terhadap sesuatu perkara pasti akan melakukannya bersungguh-sungguh. Atan (1988) menyatakan bahawa minat boleh dianggap sebagai daya penggerak yang mendorong seseorang supaya memberi perhatian kepada seseorang, sesuatu kegiatan atau benda. Dalam pembelajaran bahasa Arab, faktor minat boleh mendorong pelajar berusaha bersungguh-sungguh dan mencuba sedaya upaya untuk menggunakan pengetahuan yang sedia ada. Ia merupakan suatu kecenderungan yang menyebabkan seseorang berusaha untuk mencari sesuatu. Minat yang mendalam terhadap sesuatu perkara membolehkan seseorang itu lebih bersedia untuk belajar dengan tekun (Muhammad Atan, 2003).

Nasywa dan Norasyikin (2019) melaksanakan kajian berkaitan persepsi pelajar sekolah menengah terhadap pembelajaran bahasa Arab. Penekanan yang diberikan dalam kajian ini adalah pandangan dan minat pelajar untuk mempelajari bahasa Arab serta motivasi yang mempengaruhi pelajar dalam mempelajari bahasa Arab. Kepentingan mempelajari bahasa Arab dan hubungannya yang kuat dengan agama Islam merupakan antara aspek yang disedari oleh kebanyakan pelajar. Minat yang mendalam juga perlu dipupuk walaupun para pelajar seronok mempelajari bahasa Arab. Hal ini kerana minat yang mendalam akan menjadikan individu bersungguh-sungguh untuk mempelajari dan menguasai sesuatu perkara. Sikap dan minat adalah dua aspek berbeza. Namun, tidak dinafikan wujudnya hubungan di antara kedua-dua aspek ini dalam memberikan penilaian kecemerlangan pelajar. Hal ini dibuktikan menerusi kajian Ab.Halim (2016) yang menghuraikan tentang hubungan antara minat dan sikap pelajar Bachelor Bahasa Arab terhadap bahasa Arab. Kajian ini cuba memaparkan sikap dan usaha pelajar untuk mempertingkatkan kecekapan bahasa Arab.

Majoriti responden mempunyai minat yang tinggi terhadap bahasa Arab. Namun mereka tidak menunjukkan keselarisan antara sikap dan minat kerana aktiviti seperti membaca akhbar Arab, cerpen dan novel kurang dilakukan serta kurang mendengar berita Arab dan mengakses maklumat Arab melalui internet. Minat amat penting kerana dapat membentuk perubahan sikap, pembentukan persepsi serta penghayatan terhadap pelajaran (Syaza *et al.*, 2014). Terdapat tiga faktor utama yang menyebabkan para pelajar tidak atau kurang berminat mengikuti pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam iaitu pengaruh ibu bapa, pengaruh guru dan kurikulum pendidikan (Zaiton Mustafa & Hishamuddin Salim, 2012)

Ku Fatahiyah *et al.*, (2017) menjalankan kajian berkaitan persepsi pelajar tahfiz terhadap modul pembelajaran bahasa Arab di Darul Quran JAKIM dan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Modul tersebut membantu pelajar meningkatkan penguasaan kemahiran bahasa Arab khususnya dalam kemahiran

Hubungan di Antara Persepsi dengan Sikap dan Minat Pelajar Tahfiz Bestari dalam Pembelajaran Bahasa Arab

Nur Afifah Fadzil, Muhammad Dzarif Ahmad Zahidi,

Ahmad Nurilakmal Norbit & Nuraznan Jaafar

membaca dan menulis. Modul tersebut adalah mudah bagi para pelajar kerana kandungan modul hanya memfokuskan kepada kemahiran berbahasa. Namun, matlamat dan keberkesanan dari aspek penguasaan pelajar dalam memahami ayat al-Quran tidak dapat dicapai. Justeru, modul bahasa Arab yang dirangka untuk pelajar tahfiz harus diperkukuhkan dengan aspek nahu, sorf, balaghah, ilmu al-Quran dan bentuk-bentuk gaya bahasa yang terdapat di dalam al-Quran.

Tidak dapat dinafikan bahawa tatabahasa Arab merupakan aspek yang penting untuk dikuasai oleh pelajar yang mempelajari bahasa Arab khususnya dalam pengkhususan bahasa Arab. Bagi pelajar tahfiz, pengetahuan nahu Arab tidak dapat diketepikan dan diabaikan. Hal ini kerana ia memberikan kefahaman yang sebenar terhadap sesuatu ayat menerusi susunan perkataan yang terdapat di dalam ayat al-Quran. Begitu juga dalam mengistinbatkan sesuatu hukum, seseorang itu seharusnya mahir dengan ilmu nahu Arab. Zahriah Husin *et al.*, (2016) melaksanakan kajian berkaitan persepsi pelajar tahfiz terhadap kepentingan pengetahuan nahu Arab dalam menghafal al-Quran. Sejumlah 70.6% responden menghafal 30 juzuk al-Quran dan majoriti daripada mereka iaitu 89% mendapat prestasi cemerlang dalam peperiksaan bahasa Arab SPM. Berdasarkan keputusan cemerlang majoriti responden dalam SPM, dapat disimpulkan bahawa mereka mampu memahami dan menguasai tatabahasa Arab. Hal ini membuktikan pelajar tahfiz mempunyai persepsi yang tinggi terhadap kepentingan nahu sebagai faktor motivasi, manakala kepentingan nahu sebagai strategi hafalan berada pada sederhana tinggi. Oleh itu, tatabahasa Arab mempunyai kepentingan dalam pembelajaran hafalan al-Quran serta menjadi motivasi kepada pelajar tahfiz. Ia juga merupakan strategi dalam menghafal al-Quran.

Seterusnya Azman Che Mat (2013) menghuraikan tentang sikap pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab di IPTA. Aspek motivasi juga mempunyai hubungan dengan sikap majoriti pelajar bahkan permasalahan motivasi dan sikap pelajar perlu lebih diberi perhatian oleh tenaga-tenaga pengajar bahasa Arab di IPT. Bahasa Arab telah menjadi bahasa asing ketiga oleh pelajar. Pendekatan perbandingan digunakan sebagai kaedah kajian kerana kajian ini bertujuan meninjau kemungkinan wujudnya persamaan mahupun perbezaan daripada populasi yang berbeza, iaitu dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) Terengganu dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UNiSZA).

Pengaruh sikap dalam kalangan pelajar dan pengajaran guru di dalam kelas mempunyai hubungan yang signifikan dalam menguasai subjek bahasa Arab. Hal ini telah dibuktikan oleh Noorafini (2017) di dalam kajiannya bertajuk “Pengaruh Sikap Pelajar Dan Pengajaran Guru Terhadap Penguasaan Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar PPIB, UMS”. Menerusi kajian-kajian terdahulu, dapat disimpulkan bahawa persepsi, sikap dan minat pelajar memberikan kesan dalam mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran khususnya bahasa Arab.

Isu Pengajaran dan Pembelajaran Aliran Tahfiz

Perkembangan pendidikan tahfiz di Malaysia sangat pesat dengan bertambahnya bilangan sekolah tahfiz swasta dan sekolah tahfiz rakyat dari hari ke hari (Azmil Hashim & Misnan Jemali 2015). Oleh itu pelbagai isu pengajaran dan pembelajaran tahfiz diketengahkan. Antara isu yang dikupas oleh Mardhiah *et al.*, (2018) ialah pengurusan pendidikan tahfiz yang lemah, kaedah dan teknik pengajaran tahfiz, ciri-ciri guru yang mengajar subjek hafalan serta ketiadaan model yang jelas dan guru yang berwibawa. Kebanyakan institusi tahfiz bergerak dengan menggunakan kurikulum sendiri tanpa modul pengajaran yang standard (Azmil 2010). Sejumlah 40% guru yang bukan dalam pengkhususan tahfiz bertugas sebagai guru hafalan di MRSM Ulul Albab namun hanya 20 daripada 62 orang guru di MRSM Ulul Albab mempunyai latihan dalam bidang tahfiz (Mardhiah 2017). Menurut Profesor Datuk Dr. Zakaria Stapa yang menyatakan dalam pembentangan Wacana Cendekiawan Institusi Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) di UKM pada 8 Januari 2018, masyarakat tidak boleh menganggap guru terlatih dalam bidang pendidikan Islam boleh menjadi guru tahfiz yang baik dalam sesi pengajaran dan pembelajaran tahfiz. Hal ini kerana cara pengajaran tahfiz memerlukan pengkhususan yang berbeza.

Kajian berkaitan Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar Tahfiz wa al-Qiraat dijalankan oleh Ku Fatahiyah *et al.*, (2019). Ia memfokuskan kepada persepsi pelajar Tahfiz wa al-Qiraat serta proses pembelajaran bahasa Arab. Persepsi pelajar adalah sederhana manakala tahap proses pengajaran dan pembelajaran berada pada tahap yang tinggi. Pendekatan pengajaran dengan mengaitkan ayat-ayat al-Quran dalam pengajaran bahasa Arab perlu dititik beratkan bertujuan meningkatkan persepsi, minat, kefahaman dan penguasaan pelajar dalam bahasa Arab.

Farah Ilyani *et al.*, (2018) melaksanakan kajian berkaitan amalan pembelajaran pelajar tahfiz di institusi tahfiz swasta. Amalan pembelajaran yang dimaksudkan ialah proses pemerolehan maklumat dan pengetahuan, penguasaan kemahiran dan tabiat serta pembentukan sikap dan kepercayaan dalam menghafal al-Quran. Selain gabungan pembelajaran bersama guru dan rakan sebaya, pelajar juga mengamalkan amalan pembelajaran sendiri. Pelajar mengaplikasikan tiga aspek penting dalam menghafal al-Quran iaitu *tilawah*, membaca al-Quran secara tartil, *hifz* iaitu menghafal dan *darrasi* iaitu kebolehan menulis keseluruhan al-Quran secara sempurna tanpa kesilapan, namun masih belum mencapai tahap optimum. Berdasarkan dapatan yang diperolehi, institusi tahfiz khususnya perlu menggiatkan dan menganjurkan program yang memperkenalkan amalan, teknik atau strategi yang lebih efektif untuk digunakan oleh pelajar. Apabila pelajar dapat mengenal pasti teknik atau strategi yang bersesuaian dengan mereka, ia turut boleh dipraktikkan ke dalam subjek yang lain khususnya bahasa Arab.

Selain itu, kekurangan dalam strategi gaya pembelajaran tahfiz mengakibatkan kelemahan dalam pencapaian hafalan. Kekurangan dalam strategi gaya pembelajaran bukan hanya menatijahkan kelemahan dalam hafalan, malah pada subjek yang lain. Selain itu, pendekatan guru menggunakan kaedah tradisional dalam proses pengajaran dan pembelajaran juga menjadi punca kelemahan dalam pencapaian tahfiz (Mohd Marzuki, 2008; Azmil Hashim, 2010). Hal ini membuktikan pembaharuan dan inovasi dalam sesi pengajaran dan pembelajaran

Hubungan di Antara Persepsi dengan Sikap dan Minat Pelajar Tahfiz Bestari dalam Pembelajaran Bahasa Arab

Nur Afifah Fadzil, Muhammad Dzarif Ahmad Zahidi,

Ahmad Nurilakmal Norbit & Nuraznan Jaafar

amat penting diketengahkan oleh pengajar agar selari dengan perkembangan pendidikan yang memasuki revolusi industri 5.0.

Aznil Hashim dan Misnan Jemali (2015) menjalankan kajian berkaitan hubungan antara teknik pembelajaran tahfiz dan pencapaian hafalan al-Quran. Ia melibatkan 212 orang pelajar Diploma Tahfiz al-Quran di Malaysia. Objektif utama kajian ini ialah meninjau teknik pembelajaran pelajar tahfiz al-Quran serta hubungan dengan pencapaian hafalan. Teknik pembelajaran tahfiz yang digunakan secara meluas oleh pelajar ialah teknik menentukan kadar hafalan sebelum menghafal. Selain itu, pelajar menggunakan mushaf Uthmani yang dikhususkan untuk menghafal. Namun terdapat juga pelajar yang kurang mempraktikkan penggunaan satu mushaf yang khusus dalam menghafal al-Quran. Pada waktu pagi, pelajar lebih memilih menggunakan suara yang sederhana serta penumpuan pada ayat yang susah.

Teknik melakukan *takrar* hafalan secara berirama, teknik bacaan secara *tadwir*, penumpuan kepada ayat *mutasyabihat*, teknik gambaran ayat dan teknik dengan lima ayat kurang dipraktikkan pelajar. Bagaimanapun pelajar lebih cenderung menggunakan teknik *takrar tasalsuli* berbanding dengan *takrar jami'y* dan *takrar taqsim* dalam pembelajaran tahfiz. Hubungan yang kukuh antara teknik pembelajaran tahfiz dengan pencapaian hafalan pelajar menunjukkan bahawa teknik pembelajaran tahfiz perlu diberi penekanan. Hal ini kerana teknik pembelajaran mampu memberikan hubungan yang signifikan terhadap pencapaian pelajar termasuklah bahasa Arab kerana bahasa Arab merupakan bahasa al-Quran. Perkaitan hubungan antara teknik, gaya dan strategi pembelajaran amat memberikan kesan terhadap pencapaian pelajar. Teknik dan strategi yang tepat dapat membantu pelajar memperoleh pencapaian yang tinggi sama ada dalam hafalan mahupun penguasaan bahasa Arab.

Kajian berkaitan persepsi pelajar terhadap kaedah pembelajaran tahfiz al-Quran dilaksanakan oleh Aznil Hashim dan Ab. Halim Tamuri (2012). Antara kaedah pembelajaran pelajar tahfiz ialah kaedah *takrar*, *tasmi'*, *talaqqi* dan *musyafahah*, amalan mendengar bacaan contoh daripada pensyarah, *tadarus* dan penulisan. Pelajar merasakan bahawa kaedah *talaqqi* dan *musyafahah* yang dilakukan pengajar masih tidak mencukupi. Kurangnya penekanan daripada pengajar terhadap makna kalimah dan maksud ayat menjejaskan pelajar kurang berusaha dalam mencari makna dan maksud ayat dan akhirnya menyebabkan kefahaman terhadap sesuatu ayat tidak dapat dicapai. Kaedah kefahaman amat penting bagi pelajar kerana ia dapat membantu dalam mengukuhkan hafalan dan menghadirkan kekhusyukan dalam menghafal al-Quran. Pelajar juga kurang memberi penekanan kepada *tadarus* yang bertujuan memperbetulkan bacaan hafalan. Jika dilihat dari sudut teknik dan kaedah pembelajaran pelajar tahfiz, ia tidak jauh berbeza dengan kaedah pembelajaran bahasa Arab. Hal ini kerana, dalam pembelajaran bahasa Arab, pelajar di ajar empat kemahiran bahasa yang melibatkan teknik pengulangan, mendengar, penulisan dan pembacaan. Oleh itu, pembelajaran bahasa Arab dan pembelajaran tahfiz tidak jauh berbeza malah ia adalah dari bahasa yang sama iaitu bahasa Arab.

PEMASALAHAN KAJIAN

Hubungan penguasaan bahasa Arab dengan memahami al-Quran sememangnya tidak dapat dinafikan. Pelajar tahfiz merupakan pelajar yang paling dekat dengan al-Quran kerana sering mengulangi bacaan dan hafalan ayat al-Quran. Pelajar tahfiz berpotensi menjadi imam di surau dan masjid terutama pada bulan Ramadan sebagai imam bagi solat terawih. Oleh itu, kefahaman dalam memahami ayat al-Quran, doa, zikir dan seumpamanya amat penting kerana mereka menjadi tempat rujukan oleh pihak awam. Namun, tidak dapat dinafikan bahawa terdapat golongan huffaz yang tidak menguasai bahasa Arab. Hal ini kerana mereka hanya menumpukan kepada hafalan al-Quran semata-mata. Walaupun, terdapat sesi *ta'lim* yang mengetengahkan subjek agama, namun ia bukan penumpuan utama. Kebanyakan kurikulum tahfiz di Malaysia hanya mengutamakan aspek kemahiran membaca, menghafal, mengenal hukum-hukum bacaan dan lagu (*tarannum*). Namun aspek kefahaman makna dan tatabahasa Arab tidak dititik beratkan dalam pembelajaran tahfiz. Aspek kefahaman ini sudah tentu berkait rapat dengan penguasaan bahasa Arab dan kefahaman al-Quran (Mahyuddin Ashaari, 2001).

Di Malaysia, institusi tahfiz telah banyak ditubuhkan dan berkembang pesat. Selain itu, wujud sekolah dan program tahfiz yang ditubuhkan oleh kerajaan negeri seperti Maahad Tahfiz Sains di Kelantan, Sekolah Imtiaz di Terengganu dan Melaka dan juga Maktab Rendah Sains Mara yang mewujudkan program Tahfiz Ulul Albab. Namun terdapat institusi tahfiz yang tidak mensyaratkan bahasa Arab sebagai mata pelajaran yang wajib dipelajari. Hakikatnya, kefahaman terhadap al-Quran memerlukan ilmu bahasa Arab (Ahmed, 2008; al-Jaburi, 2010). Terdapat sebilangan kecil institusi pendidikan tahfiz yang menggabungkan subjek bahasa Arab dengan tahfiz al-Quran sebagai satu kurikulum seperti Darul Quran dan Maahad Tahfiz Quran Negeri. Penggabungan ini menunjukkan pihak pengurusan menyedari terdapat perkaitan dan hubungan erat antara penguasaan bahasa Arab dengan pembelajaran al-Quran.

Kurangnya usaha pelajar dalam mencari kalimah dan maksud ayat tidak hanya berlaku dalam kalangan pelajar Tahfiz sahaja, malah turut berlaku kepada pelajar aliran agama yang lain. Para pelajar hanya bergantung kepada guru semata-mata. Pelajar tahfiz mempunyai kelebihan tersendiri berbanding pelajar aliran agama yang lain kerana pelajar ini merupakan individu yang hampir dengan al-Quran dan sentiasa mengulangi hafalan ayat al-Quran dan terbiasa dengan sebutan bahasa Arab. Pelajar tahfiz sewajarnya mengetahui setiap makna dan maksud ayat al-Quran yang dihafal. Dalam mencapai tahap kefahaman ini, pelajar harus mempelajari bahasa Arab terutamanya ilmu nahu, sorf dan balaghah.

Pelajar sama ada peringkat rendah, menengah, pengajian tinggi atau orang awam sebelum didedahkan dengan pembelajaran bahasa Arab pasti mempunyai persepsi dan tanggapan yang tersendiri terhadap bahasa Arab. Pada peringkat awal, pengajar harus mengetahui persepsi pelajar terhadap bahasa Arab. Persepsi atau tanggapan terhadap bahasa Arab begitu penting diketahui agar pengajar boleh mengatur strategi dan teknik yang boleh menarik minat pelajar. Sekiranya persepsi pelajar negatif, pihak pengajar harus mencari inisiatif dan penyelesaian bagi

Hubungan di Antara Persepsi dengan Sikap dan Minat Pelajar Tahfiz Bestari dalam Pembelajaran Bahasa Arab

*Nur Afifah Fadzil, Muhammad Dzarif Ahmad Zahidi,
Ahmad Nurilakmal Norbit & Nuraznan Jaafar*

mengubah persepsi tersebut. Begitu juga pelajar tahfiz, pasti pelajar-pelajar ini mempunyai persepsi dan tanggapan tersendiri terhadap pembelajaran bahasa Arab.

Pelbagai kajian dijalankan terhadap pelajar sekolah mahupun institusi pengajian tinggi berkaitan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab, misalnya kajian sikap, motivasi, minat, strategi dan gaya pembelajaran, persepsi, keperluan mempelajari dan sebagainya. Begitu juga kajian terhadap pelajar dan institusi tahfiz. Kajian-kajian ini tertumpu kepada hafalan, qiraat, kaedah pembelajaran pelajar tahfiz, pencapaian hafalan dan seumpamanya. Namun, kajian berkaitan pembelajaran bahasa Arab khususnya terhadap golongan tahfiz adalah kurang dijalankan (Ku Fatahiyah *et al.*, 2019).

OBJEKTIF KAJIAN

- a. Mengetahui pasti sebab memilih program Tahfiz Bestari.
- b. Mengetahui pasti pengalaman belajar bahasa Arab sebelum memasuki Tahfiz Bestari.
- c. Mengetahui pasti hubungan antara persepsi dengan minat pelajar terhadap bahasa Arab.
- d. Mengetahui pasti hubungan antara persepsi dengan sikap pelajar terhadap bahasa Arab.

REKA BENTUK KAJIAN

Kajian kuantitatif ini merupakan kajian tinjauan dengan menggunakan soal selidik sebagai teknik untuk mendapatkan data. Menurut Louis *et al.*, (2003), soal selidik merupakan instrumen yang sesuai dan berkesan digunakan dalam kajian tinjauan. Kajian kuantitatif berbentuk tinjauan lebih digemari dan data boleh dikumpul dengan sempurna (Creswell, 2013). Soal selidik skala Likert lima mata digunakan sebagai instrumen kajian. Menurut Levin dan Fox (2007), skala Likert lebih sesuai kerana mirip soalan objektif dan mesra pengguna untuk responden menandakan item pilihan. Data kajian lepas berkaitan persepsi, minat dan sikap dikumpulkan daripada buku, jurnal, artikel persidangan, tesis dan kertas kerja bagi membantu untuk mengukuhkan lagi hasil dapatan tinjauan (Nur Afifah, 2016).

Populasi bagi kajian ini bersifat homogen yang hanya memerlukan sampel yang kecil dan sudah cukup memberi gambaran kuantitatif dan menyeluruh bagi populasi (Rohana 2003). Kaedah pensampelan bertujuan digunakan dalam kajian ini. Pemilihan sampel bertujuan adalah berdasarkan tujuan mendapatkan individu dengan kriteria yang ditetapkan oleh penyelidik dan pengkaji menentukan responden yang sesuai dengan tujuan kajiannya (Othman 2013; Syed Arabi 2002; Bailey 1984). Lazimnya individu yang dipilih akan meningkatkan nilai maklumat yang dikehendaki oleh penyelidik (Sabitha 2005). Kajian ini melibatkan 81 orang pelajar Tahfiz Bestari Kolej Universiti Islam Melaka yang akan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia bagi mata pelajaran bahasa Arab tahun 2021. Pemilihan pelajar Tahfiz Bestari sebagai responden adalah kerana program ini hanya mengambil masa selama sepuluh bulan sahaja dan tidak sama seperti

program-program tahfiz lain yang ada di Malaysia. Para pelajar akan menduduki kursus persediaan SPM selama sepuluh bulan di samping perlu menghabiskan 30 juzuk hafalan al-Quran. Para pelajar hanya menduduki tujuh subjek sahaja untuk Sijil Pelajaran Malaysia termasuk bahasa Arab. Dapatan yang diperoleh daripada soal selidik dihuraikan dan dipersembahkan secara deskriptif dan inferensi dengan menggunakan nilai kekerapan, peratusan dan analisis korelasi.

Kajian ini melibatkan 81 orang pelajar Tahfiz Bestari Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) yang terdiri daripada 51 orang pelajar lelaki dan 30 orang pelajar perempuan. Kesemua 80 orang responden berbangsa Melayu manakala hanya seorang sahaja yang berbangsa lain. Manakala, dari aspek umur pula menunjukkan bahawa responden berumur 17 tahun adalah 24.7 peratus. Manakala responden berumur 18 tahun dan ke atas pula ialah 75.3 peratus.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Program Tahfiz Bestari adalah sebuah program yang berbeza dari program tahfiz yang lain. Semestinya para pelajar mempunyai sebab dan alasan tersendiri mereka memilih untuk mengikuti program ini. Jadual 1.1 menunjukkan majoriti responden bersamaan 72.8 peratus memilih program Tahfiz Bestari atas minat mereka sendiri. Antara sebab lain mereka mengikuti program ini adalah kerana paksaan ibu bapa sebanyak 8.6 peratus, mengikut rakan 4.9 peratus dan sebab-sebab lain sebanyak 13.6 peratus. Rujuk Jadual 1.1.

Jadual 1.1: Sebab Memilih Tahfiz Bestari

	Profil	Kekerapan	Peratusan (%)
Sebab memilih Tahfiz Bestari	Minat Sendiri	59	72.8
	Paksaan Ibu Bapa	7	8.6
	Mengikut Rakan	4	4.9
	Lain-lain	11	13.6
Jumlah		81	100

Sumber: Data soal selidik 2020 (N=81)

Taburan responden bagi pengalaman mereka belajar bahasa Arab sebelum menyertai Tahfiz Bestari menunjukkan majoriti 46.9 peratus responden mula mempelajari bahasa Arab sejak sekolah rendah. Diikuti dengan lain-lain iaitu 33.3 peratus. 18.5 peratus responden tidak pernah mempunyai pengalaman mempelajari bahasa Arab manakala hanya 1.2 peratus mempelajari bahasa Arab semasa di tadika. Dapatan ini menunjukkan bahawa sebelum mereka mengikuti program Tahfiz Bestari, mereka tidak pernah mempelajari bahasa Arab yang bertepatan dengan kurikulum Sijil Pelajaran Malaysia. Rujuk Jadual 1.2.

Jadual 1.2: Pengalaman Belajar Bahasa Arab

	Profil	Kekerapan	Peratusan (%)
Pengalaman Belajar Bahasa Arab	Tidak pernah	15	18.5
	Tadika	1	1.2
	Sekolah Rendah	38	46.9
	Lain-lain	27	33.3
Jumlah		81	100

Sumber: Data soal selidik 2020 (N=81)

Ujian korelasi Pearson digunakan bagi menentukan hubungan di antara persepsi dengan minat dalam pembelajaran bahasa Arab. Dapatan kajian menunjukkan kesemua pemboleh ubah bebas berada dalam kekuatan hubungan yang kuat (Albert dan Davis 1971; Cohen 1988; Alias Baba 1992).

Terdapat hubungan yang signifikan positif antara persepsi dengan minat dalam pembelajaran bahasa Arab ($r = 0.673$, $p < 0.01$). Perkaitan antara persepsi dengan minat dalam pembelajaran bahasa Arab adalah perkaitan yang kuat (Albert dan Davis 1971; Cohen 1988; Alias Baba 1992). Korelasi positif pula menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif iaitu lebih baik persepsi mereka selepas mempelajari bahasa Arab, maka lebih tinggi minat mereka dalam pembelajaran bahasa Arab. Rujuk Jadual 1.3.

Jadual 1.3: Korelasi Persepsi dengan Minat dalam Pembelajaran Bahasa Arab

Pemboleh ubah	<i>r</i>	<i>p</i>
Persepsi	0.673**	0.000

Dapatan hubungan antara persepsi dengan sikap dalam pembelajaran bahasa Arab menunjukkan terdapat hubungan signifikan positif di antara persepsi dengan sikap dalam pembelajaran bahasa Arab yang disokong dengan korelasi koefisien ($r = 0.664$, $p < 0.01$). Hubungan antara persepsi dengan sikap dalam pembelajaran bahasa Arab adalah perkaitan yang kuat (Albert dan Davis 1971; Cohen 1988; Alias Baba 1992). Korelasi positif menunjukkan bahawa lebih baik dan meningkat persepsi pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab, maka lebih baik dan positif juga sikap mereka dalam pembelajaran bahasa Arab. Rujuk Jadual 1.4.

Jadual 1.4: Korelasi Persepsi dengan Sikap dalam Pembelajaran Bahasa Arab

Pemboleh ubah	<i>r</i>	<i>p</i>
Persepsi	0.664**	0.000

Kedua-dua dapatan hubungan antara persepsi dengan minat dan sikap menunjukkan hubungan yang positif. Oleh itu, persepsi yang baik mampu meningkatkan minat dan mengubah sikap pelajar agar menjadi lebih positif dalam

pembelajaran bahasa Arab. Menurut Abdul Halim dan Wan Mohamad (2006), sikap dan minat pelajar terhadap bahasa Arab adalah penting dalam menentukan kejayaan mereka. Sesuatu pembelajaran itu dapat mencapai keberkesanannya sekiranya perasaan minat wujud dalam diri pelajar.

KESIMPULAN

Persepsi merupakan satu elemen penting dalam membentuk sikap dan minat terhadap sesuatu pembelajaran. Jika persepsi buruk dan negatif yang berlegar-legar dalam diri pelajar, maka sikap dan minat juga akan menurun. Begitu juga dalam pembelajaran bahasa Arab, persepsi seperti bahasa Arab susah, bosan, tiada kepentingan dalam kehidupan seharian menyebabkan seseorang itu tidak berminat untuk mempelajari bahasa Arab. Bahasa Arab mempunyai perkaitan yang kuat dengan al-Quran. Seharusnya pelajar aliran agama dan aliran tahfiz menguasai bahasa Arab kerana mereka merupakan bakal imam, bilal malah tempat rujukan orang awam dalam memahami al-Quran.

Hubungan di Antara Persepsi dengan Sikap dan Minat Pelajar Tahfiz Bestari dalam Pembelajaran Bahasa Arab

Nur Afifah Fadzil, Muhammad Dzarif Ahmad Zahidi,
Ahmad Nurilakmal Norbit & Nuraznan Jaafar

BIBLIOGRAFI

- Ab. Halim Mohamad & Wan Muhamad Wan Sulong. 2016. Minat dan Sikap Pelajar Bachelor Bahasa Arab di IPTA Malaysia Terhadap Bahasa Arab. *Jurnal al-Anwar*, 1:1. Hlm. 21-37
- Azman Che Mat. 2013. Sikap pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab di IPTA. *Academia Journal UITM*, 2 (2): 61-68.
- Azmil Hashim (2010). Penilaian pelaksanaan kurikulum tahfiz al-Quran di Darul Quran JAKIM dan Ma'ahad Tahfiz al-Quran Negeri. Bangi: Selangor.
- Farah Ilyani Zakaria, Mohd Aderi Che Noh dan Khadijah Abd Razak. 2018. Amalan pembelajaran pelajar tahfiz di intitusi tahfiz swasta. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, SI 1(1): 141-148.
- Azmil Hashim dan Misnan Jemali. 2015. Kajian mengenai hubungan antara teknik pembelajaran tahfiz dan pencapaian hafalan al-quran para pelajar. *Jurnal Perspektif*, Jil.6. Bil 2: 15-25.
- Azmil Hahim dan Ab. Halim Tamuri. 2012. Persepsi pelajar terhadap kaedah pembelajaran tahfiz al-quran di malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 4(2): 1-10.
- Bailey, K.D. 1984. Kaedah Penyelidikan Sosial. Terj. Hashim Awang. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Creswell, J.W. 2013. *Research Design. Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approach*. Los Angeles: SAGE Publications, Ltd
- Davis, J.A. (1997). *Elementary Survey Analysis*. Englewood, N.J: Prentice—Hall.
- Gardner R.C. 1983. Learning another language: a true social psychological experiment. *Journal of Language and Social Psychology*, (2): 219-239.
- <http://www.kuim.edu.my/pusatislam/index.php/ketua-pusat-islam-as-syafie-kuim/19-program-tahfiz-bestari-persediaan-spm>. Diakses pada 18 November 2020.
- Kamarul Shukri Mat Teh, Mohamed Amin Embi, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff dan Zamri Mahamod. 2010. Hubungan antara tahap motivasi dengan strategi pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Agama Terengganu. *Jurnal Teknologi*, (52): 57-67.
- Ku Fatahiyah Ku Azizan, Hanis Najwa Shaharuddin Farah Nur-Rashida Rosnan dan Wazzainab Ismail. 2019. Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar tahfiz wal qiraat. *e-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities*, Vol 16, no. 2: 1-15.
- Ku Fatahiyah Ku Azizan, Farah Nur-Rashida Rosnan, Wazzainab Ismail dan Hanis Najwa Shaharuddin. 2017. Persepsi pelajar tahfiz terhadap tahap modul bahasa Arab di Selangor. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*. Vol 4, bil 2: 127-134.
- Ku Fatahiyah Ku Azizan, Hanis Najwa Shaharuddin, Wazzainab Ismail, Farah Nur-Rashida Rosnan dan Norafidah Gordani. 2017. Persepsi Pelajar Tahfidz Dalam Pembelajaran Bahasa Arab. e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan.

- Levin, J. and Fox, J.A. 2007. *Elementary Statistics in Social Science Research*, (2nd Edition) New York: Allyn and Bacon
- Mahyuddin Ashaari. Pendidikan al-Quran Menjana Keupayaan Berfikir. *Jurnal Pendidikan Islam*. Jilid 9, Bil. 4, November 2001/1422.
- Mardhiah Yahaya. 2017. Penilaian Program Tahfiz Ulul Albab di Maktab Rendah Sains MARA. Tesis Sarjana Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mardhiah Yahaya, Zetty Nurzuliana Rasheed dan Aslam Farah Selamat. 2018. Isu Dalam Pendidikan Tahfiz: Satu Analisis. e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan. Hlm.141-148.
- Mohamad Marzuqi Abd Rahim. 2008. Pengajaran Mata Pelajaran Hafalan al-Quran: Suatu Kajian Maahad Tahfiz al-Quran Zon Tengah. Kertas projek sarjana: Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd Shahrizal Nasir, Nurkhamimi Zainuddin dan Muhammad Sabri Sahrir. 2017. Persepsi pelajar bukan muslim terhadap pembelajaran bahasa Arab. *Jurnal Islamiyyat* 39 (1): 29-37.
- Muhammad Atan. 2003. Sikap, Minat, Pengaruh Rakan Sebaya dan Pengajaran Guru Pelajar Bahasa sebagai Satu Cara Mengatasi Masalah Kepelbagaian Pelajar Dalam Kelas Bahasa. Prosiding Seminar Pendidikan Kebangsaan 2000.
- Nasywa Muhammad Ariff Bakhtiar dan Norasyikin Osman. 2019. Persepsi pelajar sekolah menengah terhadap pembelajaran bahasa Arab. *Trends In Social Sciences*. Vol 1 (2): 43-52.
- Noorafini Kassim, Saini Ag. Damit dan Muhammad Suhaimi Taat. 2017. Pengaruh sikap pelajar dan pengajaran guru terhadap penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar PPIB UMS. *Jurnal Ulwan*. Jilid 1: 125-142.
- Norhayati Che Hat, Shaferul Hafes Sha'ari dan Mohd Fauzi Abdul Hamid. 2013. Persepsi pelajar terhadap penggunaan animasi dalam pembelajaran bahasa Arab. *Jurnal Teknologi*. 63:1: 25-29.
- Nuraznan Jaafar. 2019. *Hubungan antara tahap penguasaan asas kosa kata Arab dan tatabahasa Arab dalam kalangan pelajar madrasah tahfiz sekitar Melaka*. *Jurnal Kesidang*. Volume 4. Hlm:53-62.
- Noor Hisham Md Nawi. 2014. Matlamat dan Hala Tuju Sistem Pengajian Tahfiz di Kelantan: Satu Pengamatan Awal. 4th International Conference and Exhibition on Islamic Education. Hotel Perdana, Kota Bharu, Kelantan.
- Nur Afifah Fadzil, Nuraznan Jaafar, Roslida Saat dan Ahmad Syukri Musa. 2018. Sikap dan Motivasi Pelajar Sekolah Menengah Arab Jabatan Agama Islam Melaka Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab. Projek Penyelidikan Kolej Universiti Islam Melaka.
- Othman Talib. 2013. Asas Penulisan Tesis Penyelidikan & Statistik. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Oxford, R.L. & Nyikos, M. 1989. Variables affecting choice of language learning strategies by university students. *Modern Language Journal*, 73(3): 291-300.
- Rohana Yusof. 2003. Penyelidikan Sains Sosial. Bentong: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.

Hubungan di Antara Persepsi dengan Sikap dan Minat Pelajar Tahfiz Bestari dalam Pembelajaran Bahasa Arab
Nur Afifah Fadzil, Muhammad Dzarif Ahmad Zahidi,
Ahmad Nurilakmal Norbit & Nuraznan Jaafar

- Sabitha Marican. 2005. Kaedah Penyelidikan Sains Sosial. Petaling Jaya: Prentice Hall.
- Solahuddin Ismail. 2016. Institusi Tahfiz di Malaysia: Prospek dan Cabaran. Simposium Antarabangsa Tahfiz Sempena Sambutan 50 Tahun Jubli Emas Darul Quran. Kuala Lumpur.
- Syaza Mohd Sabri, Sharini Che Ishak dan Asmawati Suhid. *Kajian Minat dan Motivasi Murid Terhadap Pengajaran Pendidikan Islam*. Seminar Pasca Siswazah Dalam Pendidikan 2014.
- Syed Arabi Idid. 2002. Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zahriah Husin, Nik Farhan Mustapha, Che Radiah Mezah, Pabiyah Toklubok@Hajimaming dan Normaliza Abd Rahim. Kepentingan nahu Arab dalam menghafal al-Quran. *GEMA Online Journal of Language Studies*. Vol 16, No. 2: 95-110.
- Zainora Daud dan Muhammad Lukman Ibrahim. 2019. Kajian persepsi pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran qiraat di USIM. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*. Vol 3. December.
- Zaiton Mustafa & Hishamuddin Salim (2012). *Factors Affecting Students Interest in Learning Islamic Education*. Journal of Education and Practice. Vol 3:No 13.
- Zamri Ariffin, Ezad Azraai Jamsari, Khaulah Riddzwan, Muhamad Ridzuan Abdul Latif dan Zulazhan Ab Halim. 2014. Attitudes of distance learning students at UKM Faculty of Islamic Studies towards learning Arabic language skill courses. *Turkish Online Journal of Distance Education*, 15 (1): 174-178.
- Zulkifley Hamid. (1994). *Pembelajaran dan Pengajaran Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.